

BUDAYA MEWAKAF MERIAM PADA INSTITUSI MASJID DALAM MASYARAKAT MELAYU SEBELUM ABAD KE-20

HASANUDDIN YUSOF

Universiti Kebangsaan Malaysia

mohdhasanuddin82@gmail.com

ZULISKANDAR RAMLI

Universiti Kebangsaan Malaysia

ziskandar@ukm.edu.my

ABSTRAK

Beberapa buah masjid lama di Alam Melayu terutama di Semenanjung Malaysia terdapat meriam lama yang diletakkan di halaman masjid. Oleh itu, satu kajian telah dilakukan ke atas dua pucuk meriam yang terletak di halaman Masjid Lama Kampung Hulu, Melaka. Kajian dilakukan secara kualitatif dengan membuat pemerhatian ke atas inskripsi Arab yang tertera pada meriam tersebut. Hasil daripada kajian mendapati bahawa meriam tersebut telah diwakafkan oleh satu tokoh yang berjawatan Penjaga Perbendaharaan kepada Masjid Kampung Hulu. Dengan itu, catatan tersebut dapat membuktikan bahawa sebelum abad ke-20, amalan mewakafkan meriam pada institusi masjid menjadi satu budaya dan tradisi dalam kalangan umat Islam di Alam Melayu. Wakaf meriam diamalkan disebabkan kepentingan meriam sebagai salah satu alat komunikasi yang penting seperti untuk menyampaikan pengumuman kedatangan bulan Ramadan, pengumuman masuknya waktu berbuka dan waktu imsak serta pengumuman tentang kedatangan Hari Raya. Namun amalan ini telah luput seiring dengan hilangnya kepentingan penggunaan meriam sebagai alat komunikasi bagi institusi masjid di Alam Melayu.

Kata kunci: budaya; komunikasi; masjid; Melayu; meriam; wakaf

CULTURE OF ENDOWING CANNON TO THE MOSQUE INSTITUTION AMONG MALAYS BEFORE 20TH CENTURY

ABSTRACT

In some old mosques in the Malay archipelago especially in Peninsular of Malaysia there have old cannons which had been placed in the courtyard of the mosques. Therefore, a study was conducted on two cannons located in the courtyard of the Old Mosque of Kampung Hulu, Melaka. The study was conducted qualitatively by making observations on the Arabic inscriptions on the cannons. The results of the study found that the cannon was endowed by a person who held the position of Treasurer to the Kampung Hulu Mosque. Thus, it can be proved that before the 20th century, the practice of endowing cannon to the mosque institution became a culture and tradition among Muslims in the Malay world. Endowing cannon is practiced due to the function of cannons as one of the important communication tools such as to convey the announcement of the arrival of Ramadan, the announcement of the arrival of breaking fast and the time of imsak as well as the announcement of the arrival of Eid festival. But this practice has lapsed due to the loss of importance in using cannons as a communication tool for mosque institutions in the Malay world.

Keywords: culture; communication; mosque; Malay; cannon; endowment

PENGENALAN

Amalan wakaf merupakan satu amal kebajikan dalam Islam yang mampu membangunkan ekonomi masyarakat seumpama amal kebajikan yang lain seperti zakat dan sedekah. Amalan wakaf telah wujud di Alam Melayu seiring dengan kemasukan Islam ke rantau ini. Dengan itu, umat Islam di Alam Melayu tidak hanya mewakafkan masjid dan tanah semata-mata. Mereka turut mewakafkan benda-benda lain yang bermanfaat buat masyarakat termasuk wakaf meriam. Namun begitu, ramai di kalangan kita pada hari ini yang tidak menyedari tentang kewujudan amalan wakaf meriam dalam masyarakat Melayu suatu ketika dahulu.

Wakaf berasal dari perkataan Arab waqf, iaitu kata nama terbitan (*masdar*) dari kata kerja wakafa. Ianya mempunyai pelbagai makna mengikut tujuan dan penggunaan ayat itu sendiri. Dari segi bahasa, waqf memberi makna berhenti (*السكن*), menahan (*الحبس*) dan menegah (*المنع*) (Ibn Manzur, 1990). Dari segi syarak pula, wakaf bermaksud menahan sesuatu harta yang kekal fizikalnya untuk dimanfaatkan oleh orang lain bagi tujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan melepaskan milik kepada pengurus yang harus dan wujud. Wakaf juga memberi maksud berhenti di mana amalan tersebut menghentikan transaksi pindah milik harta tersebut. Maka harta yang diwakafkan tidak boleh dihadiahkan, disedekahkan, dihibahkan, dijualkan, dipusakakan dan lain-lain jenis transaksi pindah milik.

Menurut Imam Syafie pula, wakaf adalah menahan harta yang dapat diambil manfaatnya disertai dengan kekekalan zat benda, lepas dari penguasaan pewakaf dan dimanfaatkan pada sesuatu yang diharuskan (diperbolehkan) dalam agama. (Wahbah az-Zuhaili, 2011). Terdapat empat rukun wakaf iaitu pewakaf (wakif), harta yang diwakafkan (mauquf), penerima wakaf (mauquf Alaih) dan lafaz yang menyatakan maksud untuk berwakaf (sighah).

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Wakaf Dalam Ketamadunan Islam

Amalan wakaf sememangnya telah bermula pada zaman Rasulullah SAW. Pendapat yang masyhur menyatakan bahawa Sayyidina Umar adalah orang yang pertama melakukan amalan wakaf dalam Islam iaitu apabila beliau mewakafkan tanahnya di Khaibar dan tindakan Sayyidina Umar mewakafkan tanah tersebut adalah berdasarkan cadangan dari Rasulullah SAW sendiri. Dengan itu, amalan wakaf telah menjadi satu budaya dalam kehidupan para sahabat Rasulullah SAW. Salah seorang sahabat Rasulullah SAW yang bernama Jabir R.A pernah menyatakan bahawa tiada seorang pun dalam kalangan sahabat Rasulullah yang berada (berkemampuan) tidak berwakaf (Mustafa al-Khin 2009).

Amalan wakaf yang telah diamalkan sejak dari zaman Rasulullah SAW telah tersebar luas dan turut menjadi budaya dalam kerajaan-kerajaan Islam di seluruh dunia pada setiap zaman. Amalan wakaf sangat aktif dilakukan dalam kerajaan-kerajaan Islam yang lampau seperti Umayyah, Abbasiyah, Uthmaniyah, Andalusia, Ayyubiyah, Uthmaniyah dan sebagainya. Melalui amalan wakaf beberapa institusi yang masyhur lahir dalam dunia Islam seperti Hospital Ibnu Tulun di Mesir, Universiti Qarawiyun di Maghribi, Baitul Hikmah di Baghdad dan banyak lagi.

Sebagai contoh, universiti yang tertua di dunia iaitu Universiti Qarawiyyin yang terletak di Fez, Maghribi dibina pada tahun 859 Masihi dengan harta wakaf seorang hartawan wanita iaitu Fatimah al-Fihri. Manakala antara hospital yang masyhur dalam dunia Islam iaitu Hospital Ibnu Tulun pula dibina pada tahun 872 Masihi dengan harta wakaf seorang gabenor Kota Kaherah iaitu Ahmad bin Tulun. Begitu juga perpustakaan yang ulung dalam sejarah Islam iaitu Baitul Hikmah. Perpustakaan ini dibiayai oleh harta-harta wakaf. Institusi-institusi seumpama itu sangat berjasa dalam memacu kepesatan bidang keilmuan dunia Islam. Dengan kewujudan universiti, hospital, perpustakaan dan sebagainya, beribu-ribu ilmuan Islam berjaya dihasilkan (Muhammad Tariq Khan 2015).

Selain dari Baitul Hikmah dan perpustakaan-perpustakaan yang lain, kerajaan Abbasiyah juga telah menyediakan pelbagai kemudahan awam yang dibina dengan harta wakaf seperti masjid, sekolah, hospital, jalan raya, terusan dan sebagainya. Kerajaan Abbasiyah yang berpusat di Baghdad juga menjadi contoh kepada keunggulan pengamalan wakaf dalam bidang infrastruktur awam. Semasa memerintah Daulah Abbasiyah, Khalifah Harun ar-Rashid menyedari tentang masalah infrastruktur yang dihadapi oleh umat Islam

dalam mengerjakan haji. Antaranya adalah masalah kemudahan jalan raya dan bekalan air semasa bermusafir. Maka dengan itu, isteri kepada Khalifah Harun ar-Rashid iaitu Siti Zubaidah telah melaksanakan wakaf bagi membiayai kos pembinaan jalan raya dari Baghdad ke Mekah. Di samping itu, sebuah terusan air telah dibina dari Baghdad ke Mekah dengan biaya harta wakaf bagi menyediakan keperluan bekalan air kepada para jemaah haji yang melalui kawasan padang pasir. Terusan air ini dipanggil 'Ain Zubaidah' sempena nama pewakaf iaitu Permaisuri Siti Zubaidah (Razali Othman 2015).

Amalan wakaf juga sangat aktif dalam pemerintahan kerajaan Ayyubiyah di Mesir terutama di bawah pemerintahan Sultan Salahuddin Al Ayyubi. Amalan wakaf Irsod iaitu wakaf yang dilaksanakan oleh pemerintah turut subur di bawah pemerintahan Sultan Salahuddin Al Ayyubi. Antara wakaf Irsod yang masyhur ialah wakaf hospital di Istana Al Fatimi, wakaf Nablis yang digunakan untuk menebus tentera Islam yang ditawan oleh tentera salib, wakaf rumah Said As Suada' iaitu rumah kebajikan bagi golongan anak yatim dan janda dan banyak lagi (Razali Othman 2015).

Pengamalan wakaf juga sangat aktif semasa Kerajaan Ayyubiyah di bawah pemerintahan Sultan Salahuddin al-Ayyubi. Baginda telah menggalakkan amalan wakaf sehingga ahli keluarga dan anak-anaknya mengikut amalan baginda yang giat melakukan wakaf. Sultan Salahuddin al-Ayyubi telah banyak membina masjid dengan wakaf. Di samping itu, madrasah-madrasah dan tempat-tempat penginapan ahli sufi (ribath) juga dibina oleh Sultan Salahuddin al-Ayyubi berasaskan wakaf. (Ibrahim bin Muhammad al-Hamd al-Muzaini 1999). Imam Al-Maqrizi (t.t) menyatakan bahawa Salahuddin Al-Ayyubi adalah orang yang terawal membina khanqah-khanqah ahli sufi di Mesir dan baginda telah melaksanakan wakaf ke atasnya dengan jumlah wakaf yang banyak.

Kehebatan pengamalan wakaf dalam dunia Islam pada zaman dahulu turut dinukilkan oleh pelayar Islam yang termasyhur iaitu Ibnu Battutah (1304-1309). Beliau telah mengembara hampir ke seluruh dunia Islam bermula dari Maghribi di Afrika Utara hingga ke Samudera Pasai di Alam Melayu. Berpuluh-puluh kota Islam beliau singgahi. Dalam catatan pengembaraannya yang dinamakan Ar-Rihlah, beliau telah mencatatkan tentang pengamalan wakaf di Damsyik, Syria.

Ibnu Battutah telah melawat Kota Damsyik sekitar tahun 1326. Beliau telah menukilkan tentang pendapatan Masjid Bani Umayyah di Damsyik dari harta wakafnya di mana masjid tersebut meraih pendapatan sebanyak 25,000 dinar emas setahun. Beliau juga menyatakan bahawa ramai dari kalangan penduduk di Kota Damsyik memberikan wakaf kepada Masjid Al-Aqdam. Di samping itu, terdapat sebuah taman yang cukup indah di Kota Damsyik yang dibina dan dibiayai dengan harta wakaf. Taman tersebut dinamakan Rabwah dan ianya juga menjadi sumber bekalan air buat penduduk Kota Damsyik. Ibnu Battutah seterusnya mencatatkan tentang begitu banyaknya harta wakaf di Kota Damsyik. Beliau mencatatkan seperti berikut:

Terdapat terlalu banyak jenis wakaf di kota Damsyik dan basil pendapatan harta-harta wakaf ini dibelanjakan untuk pelbagai jenis kebajikan. Antara harta wakaf tersebut ialah wakaf untuk orang yang tidak berupaya menunaikan haji. Wang yang secukupnya daripada wakaf ini akan dibayar kepada orang yang

akan menunaikan haji bagi pihak orang yang tidak berupaya itu. Terdapat juga wakaf yang diperuntukkan bagi menampung perbelanjaan mengadakan persiapan perkahwinan seperti pakaian, perhiasan dan sebagainya untuk gadis-gadis yang keluarganya tidak berkemampuan. Begitu juga wakaf khas bagi belanja membebaskan orang tawanan di samping untuk musafir. Mereka mendapat perbelanjaan untuk makan dan minum, pakaian serta bekalan hingga mereka sampai di negeri masing-masing daripada harta wakaf ini. Di samping itu, ada juga wakaf yang dikhususkan untuk membaiki selain memasang batu ubin pada jalan-jalan serta lorong-lorong kota Damsyik yang mempunyai kaki lima (rasif) di kedua-dua bahu jalannya dan digunakan oleh pejalan kaki, manakala penunggang kuda pula menggunakan jalan di antara dua buah kaki lima tersebut. Selain itu, terdapat juga wakaf untuk tujuan kebajikan yang lain.

Syed Nurul Akla Syed Abdullah & Adi Setia Mohd Dom (2005: 126).

Pengamalan wakaf mencapai kemuncaknya di bawah pemerintahan Daulah Uthmaniyah. Amalan wakaf telah dijadikan sebagai salah satu amalan yang paling penting dalam pentadbirannya. Sepanjang sejarah empayar Uthmaniyah, seluruh kemudahan awam termasuk infrastruktur, kesihatan dan pendidikan dibiayai oleh wakaf. Malah, adakalanya pembayaran gaji penjawat-penjawat awam juga dibiayai oleh wakaf. Oleh yang demikian, seluruh masjid, tanah perkuburan, sekolah, perpustakaan, hospital, jalan raya jambatan, empangan, pancuran air, rumah ahli sufi, hotel, caravanserai, dapur awam, tempat mandi awam pasar, bazar dan sebagainya dibina dengan dana wakaf.

Vedat Gürbüz (2012) menyatakan bahawa semua rakyat di bawah pemerintahan Khalifah Uthmaniyah menerima manfaat dari wakaf. Disebabkan wakaf, seorang lelaki dalam Daulah Uthmaniyah boleh dilahirkan dalam rumah wakaf, tidur dalam buaian wakaf, diberi makan dengan harta wakaf, belajar di sekolah wakaf dan membaca buku wakaf. Kemudian setelah dewasa, beliau mengajar disekolah wakaf, menerima gaji dari harta wakaf dan apabila meninggal dunia dia diletakkan dalam keranda wakaf dan dikebumikan dalam tanah wakaf.

Wakaf Dalam Sejarah Alam Melayu

Pengamalan wakaf di Alam Melayu bermula seiring dengan kemasukan Islam dan penubuhan kerajaan-kerjaan Islam di Alam Melayu. Pembinaan masjid-masjid yang terawal di Alam Melayu dibina berasaskan wakaf oleh para pendakwah ketika zaman permulaan dakwah Islam (Heru Susanto 2016). Sejak dari zaman awal perkembangan Islam di Alam Melayu, umat Islam mengenali amalan wakaf melalui masjid dan madrasah. Hal ini disebabkan para ulama dan pendakwah awal membina masjid dan madrasah melalui wakaf. Sebagai contoh, Maulana Malik Ibrahim (w. 1419) dan Sunan Ampel (w. 1467) telah mendirikan masjid dan madrasah atau pesantren dengan wakaf. Tapak masjid dan pesantren tersebut pada asalnya adalah tanah milik sendiri. Tanah tersebut diwakafkan oleh kedua-dua ulama tersebut untuk kepentingan dakwah. Amalan kedua-dua pendakwah awal di Tanah Jawa ini kemudiannya turut diikuti oleh orang lain (M. Cholil Nafis 2014). Dalam membina masjid dan madrasah, bukan sahaja tapak binaan yang disediakan melalui amalan wakaf, namun semua kemudahan atau peralatan seperti jambatan, telaga air, beduk,

mimbar dan sebagainya turut disediakan dengan wakaf sama ada dari individu tertentu atau dari masyarakat.

Setelah tertubuhnya kerajaan Islam di Alam Melayu, wakaf turut menjadi amalan dan budaya terutama di kalangan para sultan, bangsawan dan pedagang yang kaya raya. Menurut catatan Portugis, Kesultanan Melayu Melaka memiliki infrastruktur awam yang baik seperti masjid, jalan raya, jambatan, tempat penginapan dan hospital. Walaupun tiada catatan yang jelas tentang pengamalan wakaf dalam Kesultanan Melayu Melaka, namun jika kita melihat kepada amalan-amalan yang dilakukan oleh kerajaan-kerajaan Islam yang sezaman dengan Kesultanan Melayu Melaka seperti Daulah Uthmaniyah, maka kita akan mendapati bahawa kemudahan awam yang terdapat di Melaka sama ada sebahagian atau keseluruhannya adalah daripada amalan wakaf, sama ada wakaf daripada harta peribadi Sultan atau pembesar atau wakaf daripada harta negara.

Seorang pencatat Portugis yang bernama Tome Pires mencatatkan dalam *Suma Oriental* seperti berikut, “*Sultan Mansur Syah membina masjid yang indah, di lokasi tersebut kini dibina kubu Melaka (A Famosa). Masjid tersebut dahulunya merupakan bangunan yang paling indah di wilayah ini. Baginda memerintahkan pembinaan jambatan-jambatan yang penuh hiasan di atas sungai*” (Cortesao (1944: 249). Selanjutnya, Cortesao (1944: 274) menjelaskan bahawa, “*Mereka (para pembesar Melaka) juga menyediakan kemudahan hospital untuk para penduduk yang miskin*”.

Dari catatan Tome Pires ini kita akan dapati bahawa penyediaan kemudahan awam kepada penduduk Melaka seperti masjid, jambatan dan hospital oleh Sultan Melaka dan para pembesar Melaka adalah dilaksanakan berdasarkan wakaf. Amalan wakaf ini turut dijalankan dalam kesultanan-kesultanan Melayu yang lain seperti Kedah, Perak, Pahang, Johor dan lain-lain. Malah terdapat peruntukan undang-undang khusus berkaitan wakaf dalam undang-undang kerajaan Melayu silam seperti dalam fasal 42 Hukum Kanun Pahang yang menyatakan seperti berikut:

Bermula peri wakaf ertinya seperti tanaman atau benda tiada dikeluarkan daripada miliknya, benda yang berguna dan kekal, harus wakaf anak cucunya yang ada dan yang akan datang bersama anak cucunya itu memakan dia. Tiada harus antara semuanya seorang mengambil dia akan miliknya; bermula diwakafkannya akan segala fakir memakan dia.

Yaakob Isa (2003: 173).

Namun begitu, setelah kedatangan penjajah iaitu Portugis, Belanda dan Inggeris, undang-undang Islam telah dipinggirkan termasuk undang-undang berkaitan wakaf kerana para penjajah barat tidak mengiktiraf amalan wakaf. Hal ini dapat dilihat pada amalan Inggeris ketika menjajah negeri-negeri selat iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Mahkamah Inggeris telah membatalkan harta-harta yang diwakafkan sebagai harta wakaf. Sebahagian tanah-tanah wakaf dimiliknegarakan. Ini jelas sekali bertentangan dengan hukum wakaf dalam Islam. Sebagai contoh, kerajaan British di Pulau Pinang telah membatalkan status tanah wakaf serta menjadikannya status tanah milik negara ke atas tanah Masjid Kapitan Keling, Jalan Carnrovan dan Jalan Buckingham. Tanah-tanah ini

diambil alih bagi tujuan pembinaan kemudahan Bandar seperti jalan raya, pasar dan balai polis (Razali Othman 2015).

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif di mana kajian lapangan telah dibuat dengan melakukan pemerhatian terhadap inskripsi Arab yang tertera pada dua pucuk meriam yang terletak di hadapan pintu Masjid Lama Kampung Hulu, Melaka. Bagi membaca, menganalisis dan mentafsir inskripsi yang tertera pada meriam tersebut, pengkaji telah mengambil gambar inskripsi tersebut dengan menggunakan kamera DSLR. Hasil dari gambar yang diperolehi, pengkaji telah membaca dan menganalisis catatan yang tertera pada meriam tersebut. Di samping itu, kajian lapangan juga telah dilakukan dengan menjejak meriam lama yang ditempatkan di beberapa buah masjid lama di Semenanjung Malaysia. Antara masjid lama yang dikunjungi selain dari Masjid Lama Kampung Hulu ialah Masjid Kariah Kampung Linggi, Masjid Kariah Permatang Pasir, Masjid Diraja Ubudiah, Masjid Lama Kota Lama Kanan, Masjid Zahir, Masjid Kapitan Keling di Pulau Pinang dan Masjid Kota Raja. Tujuan pengkaji memilih masjid-masjid lama ini sebagai tempat kajian lapangan kerana di halaman masjid-masjid ini masih terdapat meriam lama. Bagi memastikan bahawa meriam-meriam tersebut disumbangkan kepada masjid melalui amalan wakaf, pengkaji telah mengambil gambar meriam-meriam tersebut dan menemuramah beberapa orang jemaah masjid. Selain itu, pengkaji juga telah merujuk sumber-sumber kepustakaan bagi mengukuhkan kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Amalan Mewakaf Meriam Dalam Budaya Melayu

Jika diperhatikan, sebahagian masjid lama di negara kita memiliki meriam lama yang mana kebiasaannya terletak di halaman masjid. Persoalan yang mungkin timbul pada hari ini ialah mengapa dan bagaimana meriam-meriam lama tersebut ditempatkan di halaman masjid. Sejak dari zaman permulaan dakwah Islam di Alam Melayu, masjid merupakan institusi yang terpenting dalam kehidupan sosial masyarakat Melayu. Masjid bukan sahaja menjadi tempat ibadat, malah masjid berfungsi sebagai pusat penyebaran dakwah Islam, pusat pengajian ilmu merangkumi ilmu agama dan ilmu duniawi. Malah pembinaan masjid turut menjadi lambang keagungan sesebuah kerajaan Islam. Sebagai contoh, Kesultanan Melayu Melaka telah membina masjid yang cantik dan indah bagi menggambarkan keagungan kerajaannya (Syaimak Ismail et al. 2021).

Di samping itu, peranan institusi masjid sebagai tempat perhimpunan masyarakat turut menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran maklumat dan komunikasi. Setiap maklumat seperti kedatangan hari perayaan, berlakunya bencana alam, kemalangan dan kematian akan disampaikan dengan alat komunikasi yang berada di masjid. Menurut Razali Md Amin et al. (2017) komunikasi ialah suatu sistem dan proses perkongsian makna di mana mesej yang disalurkan merupakan idea dan perasaan yang dikongsi bersama antara

penerima dan sumber Oleh itu, bunyi yang dihasilkan dari tembakan meriam memiliki unsur komunikasi disebabkan ia mempunyai empat unsur asas komunikasi iaitu sumber, penerima, mesej dan saluran hingga meriam menjadi satu alat komunikasi yang penting dalam masyarakat Melayu.

Sebelum abad ke-20, penggunaan meriam sebagai satu alat komunikasi dinilai sebagai sangat penting dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kepentingan penggunaan meriam dalam masyarakat Melayu sangat ketara kelihatan terutama ketika menjelang bulan Ramadan, waktu berbuka puasa dan menjelang Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Adil Adha. Menjelang masuknya bulan Ramadan, meriam diletuskan dan bunyi tersebut memberi dapat memberi isyarat bahawa esok hari akan bermulanya puasa Ramadan dan pada malam ini, masyarakat akan berpusu ke masjid atau ke surau untuk menunaikan solat tarawikh. Meriam seterusnya diletuskan pada setiap kali masuknya waktu Maghrib ketika bulan Ramadan bagi memaklumkan kepada masyarakat Islam bahawa waktu berbuka telah pun masuk. Begitu juga pada malam menjelang dua hari perayaan yang besar bagi umat Islam iaitu Hari Raya Aidil Fitri dan Aidil Adha, meriam diletuskan bagi memberikan isyarat kedatangan kedua-dua hari perayaan tersebut.

Andaya (2011) menyatakan bahawa terdapat satu laporan Belanda pada tahun 1602 yang mencatatkan bahawa terdapat meriam besar di Pattani yang lebih besar daripada mana-mana yang terdapat di Amsterdam telah diletakkan di kedudukan yang strategik yang hampir dengan pelabuhan. Bunyi letupan api dari meriam tersebut diletuskan bagi mengisytiharkan permulaan dan akhir bulan puasa, hari-hari penting dalam kalendar Islam dan peristiwa penting lain seperti ketibaan seorang utusan atau penyempurnaan perkahwinan diraja. Sebenarnya, meriam tersebut bertindak sebagai suara penguasa di Pattani di mana bunyinya itu dilaporkan boleh didengar sejauh empat puluh kilometer dengan kekuatan bunyinya seperti menyamai bunyi gempa bumi.

Catatan dari Belanda itu membuktikan bahawa meriam sangat penting sebagai medium komunikasi dalam masyarakat Melayu. Isyarat bahawa berlakunya peristiwa-peristiwa penting seperti bulan puasa dan hari raya disebarkan kepada masyarakat melalui bunyi meriam. Selain itu, budaya meletuskan bunyi meriam ketika menjelang bulan Ramadan turut disiarkan dalam sebuah berita keluaran *The Straits Times* di Singapura pada 14 Oktober 1939 seperti yang ditunjukkan pada Gambar 1 di mana tajuk berita tersebut ialah "*Muslims Begin Their Fast Tomorrow : Guns To Be Fired From Mosque and Pulau Brani*" (The Straits Times 1939). Berita tersebut menerangkan bahawa meriam yang terdapat di Masjid Sultan dan Pulau Brani di Singapura akan diletuskan pada permulaan waktu matahari tenggelam sebagai mengisytiharkan berakhirnya bulan Ramadan dan masuknya bulan Syawal iaitu hari umat Islam menyambut Hari Raya Aidilfitri.



GAMBAR 1 : Keratan akbar *The Straits Times* di Singapura bertarikh 14 Oktober 1939

(Sumber: <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers>)

Maka disebabkan kepentingannya yang besar pada institusi masjid, maka meriam telah ditempatkan di masjid melalui amalan wakaf. Disebabkan harganya yang mahal, meriam kebiasaannya diwakafkan kepada masjid oleh individu yang berkemampuan seperti sultan, bangsawan, pembesar dan orang kaya yang lain atau diwakafkan oleh masyarakat melalui perkongsian bahagian wakaf. Amalan mewakafkan meriam ini dapat dibuktikan dari catatan yang terdapat pada dua pucuk meriam yang terletak di hadapan tangga Masjid Kampung Hulu, Melaka seperti yang ditunjukkan dalam Gambar 2 dan Gambar 3. Catatan dalam bahasa Arab yang terdapat pada meriam tersebut adalah seperti berikut:

حافظ الودائع
موقوف للمسجد كمثع اولو في البلاد ملاك ٢٧ رمضان
سنت ١٢٩١

Maksudnya: Penjaga Perbendaharaan mewakafkan untuk Masjid Kampung Ulu di Negeri Melaka, 27 Ramadan tahun 1291 H (bersamaan 7 November 1874 M).



GAMBAR2: Tulisan Arab yang tercatat pada dua pucuk meriam yang diwakafkan yang terletak di hadapan tangga Masjid Kampung Ulu, Melaka.

(Sumber: Kajian lapangan)



GAMBAR 3: Dua pucuk meriam wakaf yang terletak di hadapan tangga Masjid Kampung Ulu, Melaka.

(Sumber: Kajian lapangan)

Masjid Kampung Hulu yang terletak di Kota Melaka dibina pada tahun 1728 oleh Dato' Samsuddin bin Arom, seorang tokoh dari China yang berhijrah ke Melaka pada abad ke-18. Beliau membina masjid tersebut dengan bantuan warga tempatan. Polisi pemerintah Belanda yang mengamalkan toleransi terhadap agama Islam menyebabkan masjid-masjid mula dibina semula di Kota Melaka. Semasa pemerintahan Portugis di Melaka, masjid-masjid telah dirobohkan dan pembinaan masjid tidak dibenarkan di Kota Melaka (Nor Afian Yusof et. Al. 2014). Berdasarkan kepada inskripsi Arab yang tertera pada dua pucuk meriam yang terletak di hadapan tangga Masjid Kampung Hulu Melaka, meriam tersebut bertarikh 1291 Hijriyah bersamaan tahun 1874 Masihi. Ini bermakna meriam ini telah diletakkan lebih seratus tahun dari tarikh masjid ini dibina.

Selain itu, inskripsi Arab yang tertera pada meriam-meriam tersebut juga menyatakan bahawa kedua-dua pucuk meriam tersebut telah diwakafkan oleh '*Hafiz al-Wada'i*' (حافظ الودائع) yang penjaga barang titipan atau perbendaharaan. Nama '*Hafiz al-Wada'i*' ini jelas sekali bukanlah nama orang tetapi nama satu jawatan. Hal ini dapat membuktikan bahawa jawatan *Hafiz al-Wada'i* atau Penjaga Harta Perbendaharaan telah wujud di kalangan umat Islam di Melaka pada pertengahan abad ke-19 Masihi. *Hafiz al-Wada'i* telah mewakafkan kedua-dua pucuk meriam tersebut kepada Masjid Kampung Hulu pada penghujung bulan Ramadan iaitu pada 27 Ramadan. Hal ini jelas membuktikan bahawa pewakafan meriam ini bertujuan untuk mengisytiharkan kedatangan Hari Raya Aidilfitri yang jatuh pada 1 Syawal.

Oleh yang demikian, inskripsi Arab yang tertera pada kedua-dua pucuk meriam di halaman Masjid Kampung Hulu Melaka ini jelas sekali dapat membuktikan bahawa amalan mewakafkan meriam kepada institusi masjid telah menjadi satu budaya dalam masyarakat Melayu di mana meriam sangat penting untuk diwakafkan kepada masjid memandangkan ia berfungsi sebagai satu alat komunikasi yang penting bagi tujuan penyampaian dan

penyebaran maklumat. Antara maklumat yang disampaikan melalui bunyi letusan meriam ialah pengumuman tentang kedatangan bulan Ramadan, pengumuman kedatangan bulan Syawal dan pengumuman masuknya waktu berbuka. Di samping itu, meriam yang diwakafkan di masjid juga menyampaikan maklumat kepada masyarakat setempat tentang bencana yang berlaku seperti banjir dan kebakaran. Sebagai fasiliti masjid yang lain seperti telaga, beduk, mimbar, rehal dan sebagainya yang disediakan melalui wakaf, penyediaan meriam di masjid-masjid juga turut dilakukan melalui amalan wakaf. Dengan sebab itu, meriam telah diletakkan di halaman masjid sebagai mana yang boleh kita dapati di beberapa buah masjid lama sehingga hari ini.

Selain daripada itu, amalan wakaf meriam juga dapat dinilai sebagai satu bentuk kearifan tempatan yang telah diwarisi dan diamalkan secara turun temurun sejak zaman berzaman. Muhammad Yusri Yusof & Mohd Anuar Ramli (2020) mentakrifkan kearifan tempatan sebagai satu set pengetahuan dan amalan yang eksplisit yakni tersirat hasil dari akal budi golongan cerdik pandai tempatan dalam menyelesaikan masalah dan memenuhi keperluan masyarakat. Oleh yang demikian, budaya berwakaf menjadi satu bentuk penyelesaian kepada masalah mewujudkan meriam di masjid-masjid dan kewujudan meriam di masjid merupakan satu keperluan masyarakat tempatan yang mesti dipenuhi.

Sehingga hari ini, meriam lama boleh didapati dan ditemui di halaman masjid-masjid lama di Alam Melayu khususnya di Semenanjung Malaysia. Antara masjid lama di Semenanjung Malaysia yang terdapat meriam-meriam lama di halamannya ialah Masjid Kariah Kampung Linggi, Negeri Sembilan, Masjid Kariah Permatang Pasir di Port Dickson, Masjid Diraja Ubudiah di Kuala Kangsar, Masjid Lama Kota Lama Kanan di Kuala Kangsar, Masjid Zahir di Alor Setar, Masjid Kapitan Keling di Pulau Pinang dan Masjid Kota Raja di Kuala Muda. Walaupun meriam-meriam ini tidak lagi berfungsi, namun ia tetap menjadi perhiasan dan khazanah sejarah yang boleh memberikan satu daya tarikan pada para pengunjung masjid.

Sebahagian meriam tersebut masih dirawat dengan baik seperti meriam yang terdapat di halaman Masjid Kariah Kampung Linggi, Negeri Sembilan, sebagai mana yang ditunjukkan dalam Gambar 4. Namun terdapat meriam lain yang kelihatan terbiar dan tidak dirawat. Di samping itu, ada meriam masjid yang telah dipindahkan ke tempat lain seperti meriam Masjid Zahir di Alor Setar. Pada asalnya terdapat enam pucuk meriam di halaman masjid tersebut, namun sekarang hanya tinggal dua pucuk sahaja kerana empat pucuk meriam lain telah dipindahkan ke muzium. Kewujudan meriam di masjid-masjid lama mestilah terus dikekalkan, dipelihara dan dipulihara. Menurut Yuszaidy Mohd Yusoff et al. (2011), kelompongan undang-undang dan kelemahan penguatkuasaan harta warisan dan budaya dalam negara ini menyebabkan usaha melindungi harta warisan dan budaya tidak dapat dilaksanakan dengan baik hingga berlakunya kehilangan dan pengabaian harta warisan dan budaya.

Oleh itu, penggubalan undang-undang dan penguatkuasaan yang sempurna dan menyeluruh hendaklah dilaksanakan bagi tujuan mengekalkan, memelihara dan memulihara meriam yang terdapat di masjid-masjid. Dari sudut hukum syarak pula, pemindahan meriam masjid ke tempat lain terutamanya ke muzium hendaklah dinilai semula. Hal ini kerana meriam merupakan harta masjid yang disumbangkan melalui wakaf. Sebarang pemindahan atau penjualan harta wakaf berdasarkan hukum wakaf. Kehilangan

atau perpindahan meriam masjid tidak hanya berlaku di Malaysia, malah turut berlaku di Indonesia. Sebagai contoh, meriam yang terdapat di halaman Masjid Tua Bungku di Sulawesi Tengah juga telah dipindahkan ke muzium.



GAMBAR 4: Dua pucuk meriam lama yang terletak di halaman Masjid Kariah Kampung Linggi, Negeri Sembilan.

(Sumber: Kajian lapangan)

Amalan mewakafkan meriam kepada institusi masjid tidak hanya berlaku di Semenanjung Malaysia, tetapi turut menjadi budaya di wilayah-wilayah lain di Alam Melayu seperti Sumatera, Jawa, Kalimantan, Sulawesi dan lain-lain. Sebagai contoh meriam yang ditempatkan di Masjid Jami' Al-Anwar, Lampung. Suatu ketika dahulu, meriam yang ditempatkan di masjid ini diletuskan untuk memaklumkan masuknya waktu berbuka puasa pada bula Ramadan. Bunyi letusan meriam tersebut dapat didengari sehingga sejauh tiga kilometer. Meriam tersebut ditempatkan di Masjid Jami' Al-Anwar sebagai harta wakaf masjid (Agus Maulana 2017). Selain meriam lama yang ditempatkan di Masjid Jami' Al-Anwar, Lampung, meriam lama juga boleh dijumpai di halaman masjid-masjid tua di Indonesia. Antaranya meriam di halaman Masjid Al-Marhamah di Lingga yang terkenal dengan nama 'meriam sumbing', meriam lama di halaman Masjid Sabilil Huda di Gorontalo dan meriam lama di halaman Masjid Sultan Ayyub di Sanggau. Semua meriam ini adalah harta masjid yang wujud dari amalan wakaf.

KESIMPULAN

Amalan mewakaf meriam ke masjid menjadi satu budaya dalam kehidupan masyarakat Melayu. Perkara ini dapat dibuktikan dari inskripsi Arab yang tertera pada dua pucuk meriam di halaman Masjid Kampung Hulu, Melaka di samping penemuan meriam-meriam lama di beberapa buah masjid lama di Semenanjung Malaysia. Sebelum abad ke-20, meriam ditempatkan di masjid bertujuan sebagai alat komunikasi bagi menyampaikan pelbagai maklumat yang penting pada masyarakat yang beragama Islam. Antara maklumat yang disampaikan ialah maklumat kedatangan bulan Ramadan, masuknya waktu berbuka puasa, kedatangan bulan Syawal atau Hari Raya Aidil Fitri, kunjungan tokoh-tokoh masyarakat dan kejadian bencana alam atau musibah seperti banjir, tanah runtuh dan kebakaran.

Amalan mewakafkan meriam pada masjid tidak hanya berlaku di Semenanjung Malaysia, tetapi turut berlaku di wilayah tempat di Alam Melayu seperti Sumatera, Jawa, Kalimantan, Sulawesi dan lain-lain. Namun pada hari ini, fungsi meriam sebagai alat komunikasi telah digantikan oleh peralatan lain yang lebih canggih dan moden seperti mikrofon, pembesar suara dan media sosial. Sejak kewujudan peralatan dan teknologi canggih tersebut, meriam tidak lagi digunakan sebagai alat komunikasi hingga menyebabkan amalan mewakaf meriam ke masjid-masjid juga telah hilang dan sudah tidak lagi diamalkan. Dengan itu, meriam tidak boleh lagi didapati di masjid-masjid baru iaitu masjid yang dibina selepas pertengahan abad ke-20.

RUJUKAN

- Agus Maulana. 2017. *Idarah Masjid: Studi Kasus Pada Masjid Jami' Al-Anwar Kota Bandar Lampung*. Tesis Sarjana Sosial, Fakulti Dakwah dan Ilmu Komunikasi, Universitas Islam Negeri Raden Intan, Lampung.
- Al-Maqrizi. t.th. *al-Mawa'izh wa Al-I'tibar bi Zikr al-Khuthath wa al-Atsar*. Beirut: Dar Sodik.
- Andaya, Barbara Watson. 2011. Distant Drums and Thunderous Cannon: Sounding Authority In Traditional Malay Society. *International Journal of Asia Pacific Studies (IJAPS)*, 7(2), 17-33.
- Corteseo, Armando. 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires an Account of East, From The Sea to China and The Book of Francisco Rodrigues (Volume I)*. London: Hakluyt Society.
- Heru Susanto. 2016. Sejarah Perkembangan Perundang-Undangan Wakaf Di Indonesia. *Bilancia: Jurnal Studi Ilmu Syariah dan Hukum*, 10(2), 59-90.

- Ibn Manzur. 1990. *Lisan al-Arab (Jld. 9)*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibrahim bin Muhammad al-Hamd al-Muzaini. 1999. *Al-Waqf wa Atsaruhu fi Tasyiyidi Buniyati al-Hadarah Islamiyah*. Madinah: Kementerian Hal Ehwal Islam dan Wakaf. Kerajaan Arab Saudi.
- M. Cholil Nafis. 2014. *Wakaf Dari Masa ke Semasa di Indonesia*. Jakarta Selatan: Mitra Abadi Press.
- Muhammad Tariq Khan. 2015. Historical Role of Islamic Waqf in Poverty Reduction in Muslim Society. *The Pakistan Development Review*, 54(4) (2), 979–996.
- Muhammad Yusri Yusof @ Salleh & Mohd Anuar Ramli. 2020. Pentakrifan Kearifan Tempatan: Suatu Sorotan. *Jurnal Melayu*, 19(2), 175-188.
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & Ali al-Sharbaji. 2009. *Fiqh al-Manhaji (Jilid 5)*. Mohd Yusof bin Ahmad, Solahuddin bin Abdul Rahman & Saifudin bin Maulup (Terj.). Seremban: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.
- Nor Afian Yusof, Hamdzun Haron & Narimah Abd. Mutalib. 2014. Malacca Mosque: The Aesthetics of Old Mosques in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5 (27), 1342-1355,
- Razali Md Amin, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Ab Samad Kechot. 2017. Komunikasi, Instrumentasi Dan Seni Persembahan Gamelan Melayu Dan Jawa. *Jurnal Melayu*, Isu Khas, 272-288,
- Razali Othman. 2015. *Institusi Wakaf Sejarah dan Amalan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Razali Othman. 2015. *Wakaf Tunai: Sejarah, Amalan dan Cabaran Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syaimak Ismail, Muhammad Saiful Islam Ismail, Muhammad Anas Ibrahim & Mohd Khairi Ismail. 2021. Kegemilangan Islam Melaka Di Bawah Dua Generasi Pemerintah (1445-1477). *Jurnal Melayu*, 20(1), 65-78.
- Syed Nurul Akla Syed Abdullah & Adi Setia Mohd Dom. 2005. *Pengembaraan Ibn Battutah: Pengembara Agung, Karya Terulung, Menyingkap Wajah Dunia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- The Straits Times. 1939. *Muslims Begin Their Fast Tomorrow: Guns To Be Fired From Mosque and Pulau Brani*. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/straitstimes19391014-1.2.70> [25 Mac 2021]
- Vedat Gurbuz, M. 2012. Ottoman Vakifs: Their Impact On Ottoman Society And Ottoman Land Regime. *CU Journal of Social Sciences Institute*, 21 (1), 201-212.

- Wahbah az-Zuhaili. 2011. *Fiqh Islam wa Adillatuhu*. Abdul Hayyie al-Kattani (terj). Depok: Gema Insani.
- Yaakob Isa (pngr.). 2003. *Hukum Kanun Pahang: Manuskrip Agung Negeri Pahang*. Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang.
- Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah & Ab Samad Kechot. 2011. Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu. *Jurnal Melayu*, 8, 173 - 188.

Biodata Penulis:

Mohd Hasanuddin bin Mohd Yusof adalah pelajar Doktor Falsafah di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian Ketamadunan Melayu

Zuliskandar bin Ramli adalah Pensyarah Kanan di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian Arkeologi.